

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 21 / 05 / 2008

## Shafie: Tidak wajar anggap Dr. M 'duri dalam daging'

Oleh S. ANAND KUMAR

Um - 21/5/2008

KUALA LUMPUR 20 Mei - Bekas Timbalan Presiden UMNO, Tun Musa Hitam tidak sewajarnya menyifatkan tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad keluar daripada UMNO bagaikan 'duri dalam daging sudah terkeluar'.

Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal berkata, ini kerana sumbangan bekas Presiden UMNO itu kepada parti sungguh besar dan beliau juga banyak berjasa kepada pembangunan negara.

"Kenyataan seperti ini tidak sepatutnya dikeluarkan kerana Dr. Mahathir merupakan seorang negarawan yang banyak berjasa kepada pembangunan negara. Perkara ini memang tidak boleh kita nafikan," katanya ketika ditemui di lobi Parlimen di sini hari ini.

Semalam, Musa yang juga bekas Timbalan Perdana Menteri menyifatkan tindakan Dr. Mahathir meninggalkan parti bagaikan 'duri dalam daging sudah terkeluar'.

Walapun mengakui sedih dengan tindakan beliau (Tun) itu, Musa melihatnya sebagai peluang kepada pucuk pimpinan untuk memperkukuhkan kembali parti.

Dalam pada itu, Mohd. Shafie (BN-Semporna) turut menegaskan, ahli-ahli Parlimen Sabah tidak akan mengikut jejak langkah Dr. Mahathir sebaliknya terus setia bersama UMNO.

"Wakil rakyat dari Sabah cuma menyatakan rasa tidak puas hati mereka mengenai pembangunan di negeri berkenaan yang agak ketinggalan dan bukannya berniat untuk melompat parti," katanya.